



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
**MINGGU EPIDEMIOLOGI 45 (6 NOVEMBER – 12 NOVEMBER 2022)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-45 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,715 berbanding 1,693 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 22 kes (1.3%). Sebanyak dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-45 tahun 2022.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 52,977 kes berbanding 22,581 kes bagi tempoh sama tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak 30,396 kes (134.6%), iaitu. Manakala sebanyak 37 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding 18 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak 19 kematian (105.6%). **(Lampiran A & C).**

Jumlah lokaliti hotspot terus meningkat dengan sebanyak 68 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 50 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada 68 lokaliti hotspot yang dilaporkan, 38 lokaliti berada di Selangor, 18 lokaliti hotspot di Sabah, 10 lokaliti di WPKL & Putrajaya dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di Perak serta Sarawak. **(Lampiran B & D).**

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak 6 kes pada minggu ke-45 dengan tiga (3) kes dari Pulau Pinang, dua (2) kes dari Selangor dan satu (1) kes dari Perak. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 688 kes **(Lampiran E)**. Bagi survelan zika, sebanyak 1,800 sampel darah dan 16 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Nyamuk Aedes merupakan nyamuk yang aktif pada siang hari dengan puncak gigitan di antara pukul 5 pagi sehingga 7 pagi dan lewat petang iaitu di antara 5 petang sehingga 7 petang. Oleh itu, semasa Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 yang akan dilaksanakan pada hujung minggu ini, antara tindakan boleh diambil bagi mengurangkan risiko digigit nyamuk Aedes adalah dengan memakai pakaian yang berwarna cerah serta menutup anggota badan. Selain itu juga, gunakan bahan repelan pada bahagian anggota badan yang terdedah supaya tidak digigit nyamuk. Botol minuman atau bungkusan makanan perlu dibuang di tempat pelupusan sampah yang telah disediakan. Pastikan tiada tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan di persekitaran rumah sebelum meninggalkan rumah bagi tujuan mengundi di kampung halaman. Sekiranya terdapat gejala demam denggi seperti demam tinggi secara tiba-tiba, sakit otot/ sendi, sakit pada belakang mata dan sakit kepala, segera dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan dan jangan bertangguh. Jangan biarkan diri dan keluarga menjadi mangsa demam denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**


**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**15 November 2022**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-44 dan ke-45 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-45 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021




**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021**




**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-45 tahun 2022**

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 45/2022****(6 November hingga 12 November 2022)**


Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 45/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 45/2021	
		Minggu 45 (6 Nov – 12 Nov 2022)		Minggu 44 (30 Okt – 5 Nov 2022)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	9	0	11	0	83	1	20	0
2	Kedah	43	0	61	0	1,161	2	464	1
3	P. Pinang	60	1	61	0	942	1	349	0
4	Perak	38	0	26	1	1,030	1	509	1
5	Selangor	812	1	860	0	31,078	8	13,460	2
6	WP KL & Putrajaya	207	0	200	0	5,405	5	2,744	2
7	N. Sembilan	44	0	50	0	1,614	2	532	1
8	Melaka	9	0	17	0	516	1	531	0
9	Johor	159	0	125	1	3,169	2	1,561	4
10	Pahang	32	0	24	0	773	1	389	2
11	Terengganu	9	0	7	0	206	0	37	0
12	Kelantan	34	0	38	0	945	4	191	0
13	Sarawak	21	0	7	0	575	1	338	0
14	Sabah	237	0	205	0	5,456	8	1,451	5
15	WP Labuan	1	0	1	0	24	0	5	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,715</b>	<b>2</b>	<b>1,693</b>	<b>2</b>	<b>52,977</b>	<b>37</b>	<b>22,581</b>	<b>18</b>




**Selangor**




**WPKL & Putrajaya**




**Johor**




**Sabah**




**Kelantan**




**Perak**



**Pulau Pinang**




**Kedah**




**Negeri Sembilan**







**Melaka**




**Pahang**




**Sarawak**



**Terengganu**



**Perlis**



**Labuan**

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 45/2022  
(6 November hingga 12 November 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	28	131
2	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	45	128
3	SABAH	Sandakan	Kampung Tinusa II (Laut)	52	102
4	SABAH	Sandakan	Taman Mesra	30	87
5	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 8 Bdr Baru Btg Kali	41	83
6	SELANGOR	Petaling	E11. Sri SS 6 Kompleks Kediaman Kastam	32	83
7	SABAH	Sandakan	Kampung Lupak Meluas Laut	13	68
8	SELANGOR	Hulu Langat	TPS 2 Oakberry (Jalan TPS 2/3-2/8) Semenyih	9	67
9	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Flat Jln 17/2 @ 17/24 @ 17/26 : Blok 1- 10)	21	66
10	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Universiti Indah 1 (Jln Indah 1/12 - 1/36)	16	65
11	WPKL&P	Lembah Pantai	Endah Ria Condo Fasa 2 (C & D)	9	64
12	SABAH	Sandakan	Kg Berhala Darat Zon A	13	64
13	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U20 (Bukit Rahman Putra Teres F : Jln BRP 5/1 - BRP 5/8A)	17	62
14	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Bkt Puchong BP 3	10	61
15	SELANGOR	Petaling	E6. BI PJU 8 Apt Flora Damansara 2 [C,D,E,F]	18	60
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 7-9 Taman Jasmin	11	58
17	WPKL&P	Kepong	Kuarters Kerajaan Jalan Duta (G,H,J,K)	18	54
18	WPKL&P	Titiwangsa	Pangsapuri ATM	15	52
19	SABAH	Sandakan	Flat Taman Mawar	17	52
20	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Puncak Jalil 8 (Pangsapuri Mayang)	10	51
21	SABAH	Kota Kinabalu	Indah Permai	34	51
22	SABAH	Sandakan	Bandar Ramai-Ramai	11	50

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
23	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Pahlawan Taman Tun Perak	14	48
24	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan KP 7 - 10 Taman Kajang Perdana	7	48
25	SELANGOR	Petaling	E9. Kt SS 1(Teres 2)[SS 1/22, 24, 24A-B, 25, 27, 29, 31, 33, 35, 37, 39, 39A, 41, 41A, 43, 43A]	8	48
26	SELANGOR	Petaling	E6. BI PJU 9 Sd 13 Apt Sri Meranti (2) [H, J, K, L, M, N, P, Q, R]	16	48
27	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 9 (Kondo Sri Mahligai & Townhouse Sri Mahligai)	22	48
28	SABAH	Sandakan	Kampung Sundang Darat	14	47
29	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Lama Taman Mulia Jaya	8	45
30	SABAH	Kota Kinabalu	Kg. Sembulan Lama	15	45
31	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni 2 & 3 Saujana Impian	6	44
32	WPKL&P	Titivangsa	Desa Pasifik Ampang (Blok C, F, G)	12	42
33	SABAH	Kudat	Pengaraban Luar	19	42
34	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Pangsapuri Orkid : Blok 7 - 12)	9	40
35	SELANGOR	Hulu Langat	Blok Polis Taman Desa Baiduri	18	40
36	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 26	8	40
37	SABAH	Kota Kinabalu	Kg.Pisang Inanam Laut	16	40
38	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Teres C : Jln 17/25 - 17/30)	5	39
39	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Bkt Serdang 10 (Vista Impiana)	6	38
40	SELANGOR	Petaling	E7. Kd PJU 5 Sek 6	12	37
41	SABAH	Sandakan	Taman Lucky	11	37
42	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	9	36
43	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Kajang Jaya	6	36
44	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Rambai Indah	10	36
45	SELANGOR	Klang	Telok Gong Flat Taman Sri Nelayan	9	36
46	SABAH	Sandakan	Taman Rajawali	9	36

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
47	WPKL&P	Kepong	Casa Kiara 2 (2 Blok)	5	35
48	WPKL&P	Titivangsa	Medan Idaman (Idaman Putera Condo)	13	35
49	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa)	6	35
50	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan DP 1 Bandar Damai Perdana	15	35
51	SABAH	Sandakan	Kampung Istimewa	5	35
52	WPKL&P	Titivangsa	Appt Jasmine	4	34
53	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 23-32 Taman Jasmin	6	34
54	SABAH	Kota Kinabalu	Taman Tanah Emas	5	34
55	SABAH	Sandakan	Mps Flat Karamunting	14	34
56	WPKL&P	Lembah Pantai	Taman Seputeh (Sbhgn Jln Telok Pulai, Jln Tanjung Sepat & 1 - 2, Lorong Kota Raja)	6	33
57	SELANGOR	Klang	Seksyen 31 (Apartment Sri Nervilla)	5	33
58	SELANGOR	Klang	Kampung Raja Uda 09	6	33
59	SABAH	Kota Kinabalu	Mandarin Park	11	33
60	WPKL&P	Lembah Pantai	Jalil Damai Apartment	4	32
61	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/13 - 3/26 Seksyen 3 Taman Kajang Utama	5	32
62	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Mutiara Subang : Pusat Komersil Jln U5/A - U5/D)	6	32
63	SARAWAK	Kuching	Tabuan Lot	20	32
64	PERAK	Kinta	Tmn Pengkalan Perdana	8	32
65	WPKL&P	Lembah Pantai	Taman Salak Selatan E (Jln Perkasa, Jln Perkasa 2-10, Jln Laksamana, Jln Bendahara)	7	31
66	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Bkt Serdang 3	8	31
67	SELANGOR	Klang	Flat Jalan Batu Nilam 34	5	31
68	SABAH	Sandakan	Kem Tentera	10	31

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 45/2022  
(DARI 6 NOVEMBER HINGGA 12 NOVEMBER 2022)**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Kes Chikungunya ME 45/2022</b>	<b>Jumlah Kes Chikungunya ME 45/2021</b>	<b>Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 45/2022</b>	<b>Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 45/2021</b>	<b>Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021</b>
1	Perlis	0	0	0	3	3
2	Kedah	0	0	34	125	140
3	P. Pinang	3	3	36	66	77
4	Perak	1	0	11	180	180
5	Selangor	2	13	227	274	339
6	WP KL & Putrajaya	0	12	253	426	490
7	N. Sembilan	0	0	74	11	22
8	Melaka	0	0	7	27	29
9	Johor	0	0	4	96	97
10	Pahang	0	0	2	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	0	39	41	55
13	Sarawak	0	0	1	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>6</b>	<b>28</b>	<b>688</b>	<b>1,249</b>	<b>1,432</b>